

Tujuan undang2 lebih penting

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan sikap pihak tertentu yang kerap menggunakan hak mendapatkan perintah sementara mahkamah bagi kepentingan masing-masing.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun peruntukan mendapatkan perintah sementara mahkamah adalah sah dan perlu, tetapi seperti semua undang-undang ia juga tidak seharusnya disalahgunakan.

Ketika merasmikan Persidangan Undang-Undang Malaysia kelapan di sini hari ini, beliau berkata, perbuatan seumpama itu hanya meletakkan undang-undang berkenaan dalam kancah penghinaan.

Perdana Menteri menegaskan, peruntukan itu sebenarnya bertujuan mencegah ketidakadilan dan bukan untuk menggagalkan undang-undang atau menafikan apa yang benar dan sah.

"Tapi hari ini kita masih dapat lihat terlalu

banyak contoh tindakan seumpama itu dibuat bagi menggagalkan undang-undang," tambahnya.

Katanya, kejadian itu berlaku kerana pihak-pihak berkenaan lebih mementingkan aspek perundangan dari semangat dan tujuan undang-undang itu digubal.

"Undang-undang digubal bagi memenuhi keperluan. Tapi disebabkan penggubal dan penasihat undang-undang tidak sempurna maka begitu juga dengan undang-un-

dang yang mereka gubal," tambahnya.

"Sehubungan itu, beliau berharap menerusi persidangan undang-undang itu peserta akan bertukar-tukar pendapat dan merumuskan undang-undang baru bagi memenuhi keperluan semasa masyarakat dan negara.

Menurutnya, keadilan dan peraturan undang-undang tidak akan bermakna kecuali wujud sistem perundangan yang cekap dan berkesan.

Keadilan

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sistem perundangan boleh dijalankan secara berkesan dan cekap jika semua pihak yang terbabit melaksanakan fungsi mereka dengan mematuhi peraturan yang disediakan sama ada bertulis atau tidak.

Katanya, kerjasama antara semua pihak yang terbabit dalam sistem keadilan negara ini penting dan mereka hendaklah menghormati dan memahami masalah masing-masing.

Perdana Menteri menegaskan, sikap angkuh tidak wujud dalam undang-undang, sebaliknya sikap seumpama itu menggambarkan kelemahan sendiri.

Kira-kira 600 peguam dan pemerhati, termasuk dari negara-negara Asean, serta 20 pembentang kertas kerja menghadiri persidangan tiga hari itu.

Oleh MAHFAR ALI